

PROGRAM CABUTAN BERTUAH CUKAI TAKSIRAN MPAJ TAHUN 2022

SEMPENA ULANG TAHUN MPAJ KE-30

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

1. **HANYA PEMILIK HARTA CUKAI TAKSIRAN MPAJ DIBENARKAN MENYERTAI PROGRAM CABUTAN BERTUAH SEMPENA ULANG TAHUN MPAJ KE-30. NAMUN PEMILIK HARTA YANG MERUPAKAN KAKITANGAN MPAJ ADALAH TIDAK DIBENARKAN MENYERTAI PROGRAM INI. PEMILIK HARTA YANG TELAH MENDAPAT PENGECUALIAN BAYARAN CUKAI TAKSIRAN DI BAWAH KATEGORI RUMAH KOS RENDAH DAN KAMPUNG JUGA ADALAH TIDAK DIBENARKAN.**
2. PEMILIK HENDAKLAH MENDAFTAR DI ICOMM WEB ATAU MOBILE BAGI MELAYAKKAN MENYERTAI PROGRAM CABUTAN BERTUAH SEMPENA ULANG TAHUN MPAJ KE-30.
3. PROGRAM CABUTAN BERTUAH INI AKAN DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2022. CABUTAN HADIAH BERTUAH AKAN DIBUAT **SECARA BULANAN** DAN JUGA **CABUTAN HADIAH UTAMA** PADA HARI ULANGTAHUN MPAJ KE-30.
4. PELAKSANAAN SERTA SYARAT-SYARAT KELAYAKAN BAGI **CABUTAN HADIAH BULANAN** IALAH SEPERTI BERIKUT:
 - 4.1 PEMILIK HARTA PERLU MENJELASKAN **KESELURUHAN JUMLAH CUKAI TAKSIRAN MPAJ TERMASUK SEGALA TUNGGAKAN SERTA CAJ YANG DIKENAKAN DI DALAM BIL CUKAI TAKSIRAN MPAJ DALAM PENGGAL YANG TELAH DITETAPKAN** IAITU PADA BULAN **JANUARI HINGGA FEBRUARI** DAN JUGA PADA BULAN **JULAI HINGGA OGOS** UNTUK TAHUN 2022.
 - 4.2 PEMILIK HARTA YANG TELAH MENJELASKAN BAYARAN **SELEPAS TEMPOH YANG DITETAPKAN ADALAH TIDAK LAYAK DIAMBIKIRA** BAGI TUJUAN CABUTAN BERTUAH.
 - 4.3 CABUTAN BERTUAH BULANAN AKAN DILAKUKAN PADA SETIAP BULAN BERIKUT:
 - a. PENGGAL PERTAMA TAHUN 2022 :
MAC, APRIL, MEI DAN JUN
 - b. PENGGAL KEDUA TAHUN 2022 :
SEPTEMBER, OKTOBER, NOVEMBER DAN DISEMBER

CABUTAN BERTUAH BULANAN AKAN DILAKSANA PADA 8 BULAN YANG TELAH DITENTUKAN INI SAHAJA.

4.4 **PROSES CABUTAN BERTUAH BULANAN AKAN DILAKSANAKAN SETIAP BULAN YANG TELAH DITETAPKAN SELEPAS BERAKHIRNYA MESYUARAT PENUH MPAJ. KEPUTUSAN HASIL CABUTAN ADALAH MUKTAMAD. HADIAH CABUTAN BERTUAH HANYA BOLEH DITUNTUT OLEH PEMILIK YANG BERJAYA SEBELUM BERAKHIR BULAN JANUARI TAHUN 2023 SAHAJA.**

4.5 **HADIAH CABUTAN BERTUAH BULANAN IALAH SEPERTI DI LAMPIRAN A.**

5. **PELAKSANAAN SERTA SYARAT-SYARAT KELAYAKAN BAGI CABUTAN HADIAH UTAMA IALAH SEPERTI BERIKUT:**

5.1 **PEMILIK HARTA PERLU MENJELASKAN BAYARAN KESELURUHAN JUMLAH CUKAI TAKSIRAN MPAJ BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN (2 PENGGAL IAITU JAN-JUN DAN JUL-DIS) BAGI TAHUN 2022 TERMASUK SEGALA TUNGGAKAN SERTA CAJ YANG DIKENAKAN DI DALAM BIL CUKAI TAKSIRAN MPAJ TERSEBUT SEBELUM TAMAT BULAN FEBRUARI TAHUN 2022.**

5.2 **PEMILIK HARTA YANG TELAH MENJELASKAN BAYARAN KESELURUHAN JUMLAH CUKAI TAKSIRAN MPAJ BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN SELEPAS TEMPOH YANG DITETAPKAN ADALAH TIDAK LAYAK DIAMBIKIRA BAGI TUJUAN CABUTAN BERTUAH UTAMA.**

5.3 **PROSES CABUTAN BERTUAH BULANAN AKAN DILAKSANAKAN PADA BULAN JUN 2022 SELEPAS BERAKHIRNYA MESYUARAT PENUH MPAJ. KEPUTUSAN HASIL CABUTAN ADALAH MUKTAMAD. HADIAH CABUTAN BERTUAH HANYA BOLEH DITUNTUT OLEH PEMILIK YANG BERJAYA SEBELUM BERAKHIR BULAN JANUARI TAHUN 2023 SAHAJA**

5.4 **HADIAH CABUTAN BERTUAH UTAMA IALAH SEPERTI DI LAMPIRAN B.**

TERMA HADIAH

1. PIHAK PENGANJUR MEMPUNYAI **HAK UNTUK MENUKAR** HADIAH CABUTAN BERTUAH DENGAN SESUATU **YANG HAMPIR SAMA ATAU DENGAN NILAI YANG LEBIH RENDAH** SEANDAINYA BERLAKU KEJADIAN DIMANA HADIAH TIDAK DAPAT DIPEROLEHI. HADIAH DIMENANGI **TIDAK BOLEH DITUKAR MILIK DAN TIDAK BOLEH DITUKARKAN DENGAN WANG TUNAI, KREDIT ATAU BARANGAN LAIN SAMA ADA SECARA SEBAHAGIAN ATAU SEPENUHNYA.**
2. PEMENANG-PEMENANG HENDAKLAH MENEBUS HADIAH DI TEMPAT YANG AKAN DIMAKLUMKAN OLEH PENGANJUR KELAK.
3. SEMUA HADIAH MESTI **DITUNTUT DALAM TEMPOH YANG DITETAPKAN.** SEMUA HADIAH YANG **TIDAK DITUNTUT AKAN DIBATALKAN.** TIADA TUNTUTAN AKAN DILAYANI SELEPAS TEMPOH TERSEBUT.
4. UNTUK MENUNTUT HADIAH, PEMENANG-PEMENANG MESTILAH **MENUNJUKKAN KAD PENGENALAN UNTUK TUJUAN VERIFIKASI** SEBAGAI BUKTI IDENTITI, YANG MANA JIKA GAGAL, HADIAH-HADIAH TERSEBUT AKAN DIBATALKAN DAN SEBARANG PERTANYAAN KEMUDIANNYA TIDAK AKAN DILAYAN.
5. PENGANJUR TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP PUNGUTAN HADIAH-HADIAH OLEH PARA PEMENANG. SEMUA KOS UNTUK TUNTUTAN HADIAH ADALAH TANGGUNGJAWAB PEMENANG. SEMUA PEMENANG CABUTAN BERTUAH INI BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS SEMUA CUKAI, KADAR, YURAN KERAJAAN, KOS PEMASANGAN ATAU APA-APA BAYARAN LAIN YANG MUNGKIN DIKENAKAN KE ATAS MEREKA DI BAWAH UNDANG-UNDANG, BERHUBUNG DENGAN HADIAH DALAM CABUTAN BERTUAH INI.
6. HADIAH-HADIAH ADALAH DIHASILKAN DAN DIPERBUAT OLEH PIHAK KETIGA (PEMBUAT). PEMENANG PERLU BERHUBUNG DENGAN PEMBUAT BERKAITAN WARANTI ATAU KEROSAKAN HADIAH YANG DIMENANGI.
7. PIHAK PENGANJUR MEMPUNYAI HAK MUTLAK UNTUK MEMBUAT SEBARANG PINDAAN TERHADAP TERMA DAN SYARAT BAGI CABUTAN BERTUAH INI TANPA SEBARANG NOTIS YANG PERLU DIBERIKAN.

LAMPIRAN A

BIL	JENIS HADIAH
1.	THERMOMIX TM6
2.	IPAD PRO 128GB
3.	ROBOT VACUUM-MOP
4.	COFFEE MACHINE
5.	AIR PURIFIER
6.	AIR FRYER
7.	FOLDABLE E-BIKE ELECTRIK BICYCLE 14"
8.	PELBAGAI BAUCER

LAMPIRAN B

BIL	JENIS HADIAH
1.	KERETA PERODUA MYVI